



9 April 2012
9 April 2012
P.U. (B) 133

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

ARAHAN KHAS MENTERI

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

ARAHAN KHAS MENTERI

BAHAWASANYA:

- (a) suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing iaitu fraud di bawah seksyen 263 *German Criminal Code* telah dimulakan di Republik Jerman, suatu Negara asing;
- (b) *Department of Public Prosecution of Munich I* di Republik Jerman telah membuat suatu permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*];
- (c) tiada perintah di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 telah dibuat berhubung dengan Republik Jerman pada masa permintaan tersebut diterima oleh Malaysia; dan
- (d) Peguam Negara Malaysia telah mengesyorkan bahawa bantuan bersama diberikan kepada Republik Jerman berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 18 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya, Dato' Seri Mohamed Nazri Tan Sri Abdul Aziz, Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang di Malaysia, dengan ini mengarahkan supaya peruntukan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 terpakai berhubung dengan permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu seolah-olah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 berkuat kuasa berkenaan dengan Republik Jerman tanpa apa-apa sekatan, had, kecualian, ubah suaian, penyesuaian, syarat atau batasan.